



20 DEC, 2020

## 'Orang dalam' urus lesen niaga warga asing

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 1 of 3

# 'Orang dalam' urus lesen niaga warga asing

Warga asing mengambil kesempatan dasar 'Wilayah Bebas Berniaga' yang diperkenalkan Kementerian Wilayah Persekutuan pada November lalu dan sanggup membayar sehingga RM3,000 sebulan kepada dalang untuk mendapatkan ruang bermula berhampiran tapak sementara Pasar Borong Harian Selayang Kuala Lumpur dan pasar tani berdekatan. Kemasukan peniaga warga asing berkenaan dipercayai diuruskan 'orang dalam' persatuan peniaga tertentu yang akan menghantar permohonan lesen kepada DBKL menggunakan nama orang tempatan. **Muka 16**





20 DEC, 2020

## 'Orang dalam' urus lesen niaga warga asing

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 2 of 3

# 'Orang dalam' urus lesen niaga warga asing

Ambil kesempatan dasar 'Wilayah Bebas Berniaga' di tapak Pasar Borong Harian Selayang

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
 yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Peniaga warga asing dipercaya sanggup membayar sehingga RM3,000 sebulan untuk mendapatkan ruang berniaga berhampiran tapak semasa Pasar Borong Harian Selayang Kuala Lumpur, dekat sini serta pasar tani berdekatan.

Mengikut maklumat diperoleh BH, 'kemasukan' pendatang asing berkenaan untuk berniaga diuruskan 'orang dalam' daripada persatuan peniaga tertentu yang mengenakan bayaran jauh lebih tinggi berbanding hanya lebih RM900 setahun dikenakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk peniaga tempatan.

Tapak semestara itu yang bertentangan Pasar Borong Kuala Lumpur dibuka bagi menempatkan sebahagian peniaga dari pasar borong harian berkenaan yang kini sedang dibina baharu bermula 2018 dan dijadual siap sepenuhnya tahun depan.

Operasi pasar borong harian itu yang mengandungi 750 lot untuk peniaga berdaftar dengan DBKL, diteraju lima persatuannya peniaga dan penjaja. Ia terletak berhampiran Pasar Borong Kuala Lumpur dan berhadapan dengan pasar tani di seberang jalan.

BH difahamkan, kebanyakan peniaga disyaki warga asing beroperasi di hadapan pasar tani berkenaan dipercaya mengambil kesempatan dasar 'Wilayah Bebas Berniaga' diperkenalkan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tempoh enam bulan bermula 15 November lalu sehingga April 2021.

Walauapun warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bebas berniaga, mereka yang mahu berbuat demikian masih perlu mendapatkan kelulusan DBKL melalui prosedur yang diperlakukan

kan seperti diumumkan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa pada 10 November lalu.

Dalam kalangan peniaga warga asing, terutama Myanmar yang beroperasi di sekitar Pasar Borong Harian Selayang Kuala Lumpur; ada yang mempunyai pelanggan tersendiri dan turut menyediakan khidmat jual beli secara pandu lalu.

Sumber memberitahu BH, persatuan peniaga yang disyaki terabit dalam urusan berkenaan akan menghantar permohonan kepada DBKL dengan menggunakan nama pemohon tempatan, tetapi lesen yang diperoleh selepas itu akan disewakan kepada peniaga asing.

Bagi mengaburi pihak berkuasa, petak niaga warga asing itu turut ditetapkan berhampiran peniaga berlesen dan seorong penduduk tempatan ditugaskan memantau perniagaan warga asing dengan dibayar gaji bulanan.

"Penduduk tempatan itu akan mengambil alih urusan di gerai peniaga warga asing berkenaan jika ada pengukuhanasian dijalankan oleh pihak berkuasa," kata sumber berkenaan.

Sementara itu, Setiausaha Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (Cawangan Pasar Borong Harian Selayang Kuala Lumpur), Shaharudin Dorani, mendakwa hampir 50 warga asing dikenal pasti menjalankan perniagaan di sekitar



Antara gerai disyaki disewakan kepada peniaga warga asing di Pasar Borong Harian Selayang Kuala Lumpur.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

**EKSKLUSIF**

kawasan pasar terbabit.

Beliau mendakwa, mereka hanya menggunakan borang permohonan kebenaran berniaga kepada DBKL yang disediakan persatuan peniaga tertentu sebagai sokongan walauapun sebenarnya belum mendapat kelulusan untuk berniaga.

Katanya, beberapa persatuan peniaga lain sudah mengemukakan aduan berhubung isu itu kepada DBKL dan kini menunggu tindakan.

"Mereka (peniaga warga asing) kembali berniaga di sini sejak kira-kira tiga bulan lalu. Mereka juga dikatakan membayar antara RM1,000 hingga RM3,000 sebulan kepada dalam kegiatan ini, bergantung pada barang yang dijual."

"Operasi perniagaan mereka pula antara jam 6 pagi hingga 12 tengah hari. Kalau ada rondaan oleh pihak berkuasa, mereka akan letak seorong rakyat tempatan di gerai untuk mengaburi pihak pernugku kuasa.

"Selain itu, ada juga sesetengah

gerai peniaga menggunakan khidmat 'penjaga' yang berperanan memberi penjelasan kepada pihak berkuasa," katanya ketika ditemui.

Shaharudin yang juga Setiausaha Sessi Pasar Borong Kuala Lumpur; mendakwa kehadiran peniaga warga asing membawa pelbagai masalah, antaranya menyebabkan kawasan persekitaran kotor selain mengganggu lalu

lintas, malah khemah untuk gerai juga dipasang kekal.

"Peniaga warga asing, terutama Myanmar sudah ada pelanggan tersendiri. Mereka buat konsep pandu lalu, sekali gus menjadikan peniaga tempatan di pasar borong harian ini," katanya turut mendakwa, persatuan peniaga yang mendandalan kegiatan itu tidak dianggotai mana-mana individu kenamaan.

"Saya khawatir pasar borong harian ini yang kini sedang dibina dengan kos RM100 juta akan menjadi projek gajah putih jika DBKL tidak menghapuskan peniaga warga asing sekarang," katanya.

**Saya khawatir pasar borong harian ini yang kini sedang dibina dengan kos RM100 juta akan menjadi projek gajah putih jika DBKL tidak menghapuskan peniaga warga asing sekarang.**

**Sharudin Dorani,**  
 Setiausaha Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan  
 (Cawangan Pasar Borong Harian Selayang Kuala Lumpur)

"Peniaga warga asing, terutama Myanmar sudah ada pelanggan tersendiri. Mereka buat konsep pandu lalu, sekali gus menjadikan peniaga tempatan di pasar borong harian ini," katanya turut mendakwa, persatuan peniaga yang mendandalan kegiatan itu tidak dianggotai mana-mana individu kenamaan.

"Saya khawatir pasar borong harian ini yang kini sedang dibina dengan kos RM100 juta akan menjadi projek gajah putih jika DBKL tidak menghapuskan peniaga warga asing sekarang," katanya.

Isu warga asing memblokir persatuan di pasar borong sekitar ibu negara bukan perkara baru kerana pernah beberapa kali di-debahkan media sebelum ini.

Antaranya pada April tahun lalu apabila BH mendedahkan kumpulan kongsi gelap dipercaya menjadi pelindung kepada pendatang asing di kebanyakan pasar borong, terutama di Lembah Klang bagi memastikan perniagaan mereka 'kebal' daripada tinjauan pihak berkuasa.

Mereka dikatakan menguasai tapak niaga tidak berlesen di luar pasar borong utama serta mendakwa mewakili persatuan peniaga dan penjaja tertentu.



Warga asing sanggup bayar RM3,000 sebulan untuk berniaga di lot berhampiran Pasar Borong Selayang.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)



20 DEC, 2020

## 'Orang dalam' urus lesen niaga warga asing

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 3 of 3

### SUMMARIES

'Orang dalam' urus lesen niaga warga asing Warga asing mengambil kesempatan dasar 'Wilayah Bebas Berniaga' yang diperkenalkan Kementerian Wilayah Persekutuan pada November lalu dan sanggup membayar sehingga RM3,000 sebulan kepada dalang untuk mendapatkan ruang berniaga berhampiran tapak sementara Pasar Borong Harian Selayang Kuala Lumpur dan pasar tani berdekatan. Kemasukan peniaga warga asing berkenaan dipercayai diuruskan 'orang dalam' persatuan peniaga tertentu yang akan menghantar permohonan lesen kepada DBKL menggunakan nama orang tempatan.